

## **015 SUMBANGAN MUSTAFA ABDUL RAHMAN DALAM TAFSIR AL-QURAN: TUMPUAN KEPADA ASPEK PEMIKIRAN DALAM PENGISLAHAN MASYARAKAT.**

**Nurzatil Ismah binti Azizan**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

[nurzatil@kuis.edu.my](mailto:nurzatil@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Mustafa Abdul Rahman merupakan salah seorang tokoh mufassir yang banyak memberi sumbangan dalam mengembalikan masyarakat kepada Islam. Beliau antara tokoh mufassir yang menuntut ilmu di Jami' al-Azhar Mesir selama 15 tahun ( Tajuddin Saman, 1993) dan antara ilmuan yang membuka pusat pengajian untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat setempat. Bermula dengan Pondok al-Rahmaniyyah kemudian bertukar kepada sistem pembelajaran akademik (seperti sekolah kerajaan) dengan nama Ma'ahad Ihya' al-Sharif ( Wan Sabri Wan Yusof, 2003). Tidak sekadar membuka pusat pengajian, beliau juga menghasilkan karya bagi memudahkan masyarakat memperolehi ilmu iaitu *Tafsir al-Quran al-Hakim*. Karya ini merupakan kitab tafsir al-Quran namun turut membincangkan banyak isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat Islam ketika itu. Keistimewaan tersebut menjadikan karya ini memberi impak yang hebat kepada masyarakat dalam membezakan yang hak dan batil. Kajian ini menggunakan metode penyelidikan dokumentasi dengan merujuk isu-isu islah dalam *Tafsir al-Quran al-Hakim*. Penelitian kepada tafsir ini mendapati ia berjaya mengembalikan masyarakat kepada pengamalan Islam yang sebenar dan memberi pengaruh yang hebat dalam masyarakat Islam ketika itu.

*Kata Kunci : Sumbangan, tafsir al-Quran, pemikiran, pengislahan masyarakat.*

## PENDAHULUAN

Mustafa Abdul Rahman antara ilmuan Islam yang hebat yang mempelajari ilmu pengetahuan agama di Timur Tengah iaitu Mesir. Mesir sebagai pusat keilmuan yang hebat pada satu ketika dahulu sehingga kini masih melahirkan ilmuan-ilmuan yang hebat di kalangan masyarakat. Kertas kerja ini akan membincangkan secara khusus sumbangan Mustafa Abdul Rahman dalam mengembalikan penghayatan masyarakat terhadap Islam. Karyanya iaitu *Tafsir al-Quran al-Hakim* beredar di kalangan masyarakat.

## BIOGRAFI PENGARANG

Nama penuh beliau ialah Mustafa bin Abdul Rahman bin Mahmud bin Salleh. Beliau merupakan anak kelahiran Gunung Semanggol Perak. Lahir pada tahun 1918. Mendapat pendidikan secara langsung daripada ayahnya yang juga tokoh agamawan yang hebat dan banyak menghasilkan buku-buku agama. Beliau merupakan bekas penuntut *Jami' al-Azhar* Mesir dan Masjidil Haram Makkah selama 15 tahun (Tajuddin Saman, 1993). Meninggal dunia pada petang 28 Oktober 1968 bersamaan 6 Sya'aban 1388 dan dikebumikan di Masjid *al-Rahmaniyyah* Gunung Semanggol Perak.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Semanggol ketika berusia enam tahun ( Che Hasmawati Che Awang, 2004 ) dan menyambung pengajiannya di Pondok *al-Rahmaniyyah* milik ayahnya iaitu Abdul Rahman Mahmud. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke Madrasah Idrisiyyah Bukit Chandan Perak ( Mohamad @ Md Som Sujimon, 2003 )

Mustafa Abdul Rahman merupakan antara pelajar pertama di Ma'ahad ini iaitu pada tahun 1934. Antara sahabat-sahabatnya ketika itu ialah Abdul Malik ( Bekas Imam Masjid Jami' Kuala Lumpur pada tahun 1959 ), Ahmad Abu ( bekas Naib Kadi Selinsing) dan Harun Fahmi ( Bekas Pegawai Penerangan Pejabat Agama Negeri Sembilan ). (Nabir b. Haji Abdullah, 1976 )

## SUMBANGAN DALAM PENULISAN DAN PENGAJIAN TAFSIR.

Mustafa Abdul Rahman dilihat banyak memberi sumbangan dalam pengajaran dan juga penghasilan karya. Beliau seorang yang aktif menyampaikan dakwah dan aktif juga menghasilkan karya. Idea dan pemikiran yang disalurkan dalam karyanya masih terasa hebat dan berkesan. Banyak kuliah-kuliah terutama di Utara Semenanjung masih menggunakan kitab *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* sebagai bahan pengajaran.

Setelah beliau kembali dari Mesir, beliau telah membuka pondok *al-Rahmaniyyah* untuk mengajar penduduk kampung ilmu-ilmu Islam seperti Tafsir dan Hadith. (Che Hasmawati Che Awang, 2004 ) Pada tahun 1934, sistem akademik sekolah ini telah ditukar, sistem pondok tidak lagi digunakan. Ia menggunakan sistem pembelajaran sekolah seperti sekolah kerajaan dan nama pondok tersebut telah ditukar kepada *Ma'ahad Ihya' al-Sharif*. (Wan Sabri Wan Yusof, Syayuthi Abdul Manas, 2003 )

*Ma'ahad Ihya' al-Sharif* ditubuhkan oleh Abdul Rahman Mahmud bersama Ustaz Abu Bakar al-Bakir. Gabungan dua tokoh agamawan ini menjadikan *Ma'ahad Ihya' al-Sharif* sebagai sebuah sekolah agama yang dikagumi. Mustafa Abdul Rahman antara tenaga pengajar tetap di Ma'ahad ini pada tahun 1946 sehingga 1958. (Nabir b. Haji Abdullah, 1976), Beliau menjadi guru tetap sehingga Perang Dunia Kedua dan menyambung pengajaran kembali selepas perang berakhir.

Mustafa Abdul Rahman dikenali sebagai tokoh agamawan yang hebat. Beliau seorang yang bersungguh-sungguh dalam menyebarkan agama Islam. Dakwah dan kuliah agama merupakan aktiviti utama dalam kehidupan beliau. Surau al-Taqwa dan Tanjung Tokong merupakan tempat yang banyak dilakukan kuliah-kuliah beliau. Penduduk Tanjung Tokong adalah golongan yang kurang penghayatan agama. Mustafa Abdul Rahman cuba mengembalikan masyarakat setempat kepada penghayatan agama Islam yang sebenar.

Sifat berhati-hati dan merendah diri adalah antara sifat peribadi beliau. Apabila ditanya sesuatu soalan beliau tidak terus menjawab dengan segera, kadangkala beliau akan menangguhkan jawapan tersebut sehingga menemui masa yang sesuai. Selain itu, beliau dikenali sebagai seorang yang tidak banyak bercakap, hanya akan bercakap hal-hal yang penting sahaja. Beliau juga tidak pandai bergurau namun hubungannya amat baik dengan

masyarakat setempat. Sifat tegas dan sopan santun menjadikan beliau disenangi oleh semua.

Beliau juga amat berjasa dalam menghasilkan karya dalam pelbagai bidang antaranya Tafsir, Ilmu Mantiq, Ilmu Ekonomi, Ilmu Psikologi, Ilmu Akhlak, Ilmu Tarikh Islam dan lain-lain lagi. Antara hasil karya beliau ialah *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, *Al-Akhlaq al-Fadilah*, *Falsafah Hidup Rasulullah*, *Panduan Tarikh Junjungan Muhammad Rasulullah*, *Ringkasan Sejarah Islam di Sepanyol, di Afrika, di Sham dan Semenanjung Arab*, *Kebudayaan Islam*, *Ringkasan Sejarah Khulafa' al-Rashidun untuk Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan*, *Pelajaran Agama Islam untuk Sekolah-Sekolah Rendah Agama dan Kebangsaan Tanah Melayu*, *Bahagian Ilmu Adab*, *Pengenalan Sembahyang*, *Pedoman Hadith Junjungan Rasulullah*, [ Tarikh ] *Zul al-Qarnain*, *Kesejahteraan Dunia dan Akhirat oleh al-Mawardi* ( Karya terjemahan ), *Akhlaq dan Kewajipan dalam Islam*, *Ringkasan Nur al-Yaqin Sejarah Sayyid al-Mursalin*, *Sejarah Islam* ( Lima Jilid ) dan lain-lain lagi.

### **PENGISLAHAN MASYARAKAT DALAM PENULISAN TAFSIR AL-QURAN.**

Mustafa Abdul Rahman dalam penulisan kitab tafsir ini dilihat mengikuti manhaj atau metode ulama'-ulama' Islah. Antara tokoh Islah yang hebat ialah Syaykh Muhammad 'Abduh, Muhammad Rashid Rida, Mustafa al-Maraghi dan lain-lain lagi.

Muhammad 'Abduh merupakan pelopor dalam membawa pemikiran Islah. Pemikiran ini jelas kelihatan dalam kuliah tafsir beliau yang telah dibukukan oleh Muhammad Rasyid Rida iaitu *Tafsir al-Manar*. Ia menjadi rujukan kebanyakkan ulama' beraliran ini bagi meneruskan kesinambungan pemikiran Islah. Dr. Adnan Mohamed Yusoff dalam *National Seminar On Al-Qur'an* menjelaskan beberapa ciri-ciri utama Madrasah Al-Imam Muhammad 'Abduh dalam mentafsirkan al-Qur'an antaranya mentafsirkan ayat al-Qur'an mengikut kesatuan subjek sesuatu surah ( *Al-Wahdah al-Mawdu'iyyah* ), menggunakan penemuan ilmiah yang sesuai dengan tahap pemikiran semasa masyarakat, menangani isu-isu semasa umat Islam mengikut perspektif al-Qur'an dan memberi penekanan terhadap aspek-aspek pembangunan sosial dan akhlak umat. (Adnan Mohamed Yusoff , 2005)

Daripada penelitian penulis mendapati ciri-ciri tersebut terdapat di dalam *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* karya Mustafa Abdul Rahman. Beliau mentafsirkan ayat mengikut *al-Wahdah al-Mawdu'iyyah*. Beliau akan menjelaskan maksud umum sesuatu ayat seterusnya menjelaskan dengan terperinci apa-apa yang perlu bagi ayat tersebut. Kaitan ilmu-ilmu semasa juga dimasukkan di dalam tafsir ini, selain itu beliau juga mengajak masyarakat dalam membina syahsiah yang baik menerusi penghayatan makna al-Qur'an. Ciri-ciri ini menjadikan tafsir ini sebagai sebuah karya yang baik dalam memberi kefahaman dan menarik minat masyarakat setempat memahami al-Qur'an.

Rujukan utama Mustafa Abdul Rahman ialah *Tafsir al-Maraghi* yang ditulis oleh Syaykh Mustafa Al-Maraghi. Metod penulisan karya ini juga adalah amat hampir dengan karya tersebut. Selain itu beliau juga merujuk karya Syaykh Tantawi al-Jawhari iaitu *al-Jawahir* yang juga mempunyai aliran pemikiran yang sama. Berikut merupakan antara contoh pentafsiran al-Quran oleh Mustafa Abdul Rahman dengan membawa beberapa isu islah :

#### **(a) Pan Islamisme**

Pan Islamisme merupakan satu gerakan yang berlaku hasil semangat Nasionalisme di kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu. Ia pada asalnya merupakan satu gerakan yang bermula di Turki yang dicetuskan oleh Jamal al-Din al-Afghani. Gerakan ini menyeru masyarakat Islam di seluruh dunia bersatu padu menentang penjajah. Beliau juga bertanggungjawab membawa gerakan Islah di Mesir. Perkembangan pemikiran ini menular ke Tanah Melayu apabila pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Mesir membawa pulang aliran pemikiran ini. Namun, sejarah menunjukkan bahawa gerakan Pan Islamisme kurang mendapat tempat dikalangan masyarakat Melayu berbanding gerakan Islah. Gerakan Islah diterima baik oleh masyarakat Melayu dan diperjuangkan oleh ramai tokoh-tokoh hebat, antaranya Syed Syaykh al-Hadi, Syaykh Tahir Jalaluddin dan lain-lain lagi. Berikut antara contoh pentafsiran Mustafa Abdul Rahman berkenaan Pan Islamisme ketika mentafsirkan Surah al-Baqarah ayat 213.

Maksudnya : pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu  
(menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka  
berselisihan,).

Mustafa Abdul Rahman membawakan pandangan Abu Muslim al-Asfahani dan Abu al-Baqillani yang menyatakan bahawa manusia asalnya berada pada satu dasar yang sama. Akal adalah satu ukuran yang dapat membezakan mereka dalam menentukan perkara yang baik dan yang buruk. Disebabkan mereka menyerah sepenuhnya kepada akal tanpa berpandukan kepada al-Qur'an maka berlaku masalah. Manusia seharusnya bersatu dengan adanya satu panduan yang sama iaitu al-Qur'an. (Mustafa Abdul Rahman Mahmud, t.t) Ayat ini merupakan satu seruan kepada perpaduan, ia sesuai dengan perjuangan masyarakat ketika itu ingin membebaskan negara daripada belenggu penjajah. Mustafa Abdul Rahman menjelaskan ayat dengan memasukkan realiti yang berlaku dalam masyarakat. Ia dikenali sebagai kaedah kontekstual.

**(b) Amalan-Amalan Bid'ah dalam Masyarakat.**

Analisis mendapati sebahagian masyarakat ketika Mustafa Abdul Rahman menghasilkan karya ini berada dalam kemelut akidah yang tersasar. Sebahagian daripada mereka melakukan amalan-amalan bid'ah dalam ibadah, sesuatu yang pada asalnya bukan ibadah dianggap sebagai ibadah. Ia merupakan satu larangan keras di dalam Islam, kebanyakannya amalan-amalan ini kononnya dianggap sunnah Rasulullah s.a.w. Hakikatnya ia bukan daripada Rasulullah s.a.w. Golongan ini mendapat lantang daripada Rasulullah s.a.w berdasarkan sabda Rasulullah yang bermaksud "*Barangsiaapa berdusta di atas namaku maka disediakan baginya azab di dalam api neraka*". (Muhammad b. Ismail Abu 'Abd Allah al-Bukhari al-Ja'fi, 1987 )

Mustafa Abdul Rahman ketika mentafsirkan ayat berikut menjelaskan pengaruh syaitan terhadap sikap manusia yang akan memberi kesan kepada iman. Pentafsiran beliau seperti berikut dalam Surah al-Baqarah ayat 168.

Maksudnya : Dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan  
Beliau mengaitkan maksud mengikut langkah syaitan dengan amalan bid'ah dalam masyarakat ketika itu iaitu amalan tawassul. Mereka memuja kubur orang alim kononnya sebagai satu jalan untuk memohon hajat mereka. Ia jelas sebagai satu kesalahan dalam Islam, secara tidak sedar perbuatan tersebut telah merosakkan iman kepada Allah. Amalan tersebut ditentang oleh Mustafa Abdul Rahman kerana ia merosakkan akidah.

Hakikatnya kubur orang alim tersebut sama sekali tidak membawa manfaat dan mudarat. Allah sama sekali tidak menerima amalan manusia apabila disertai dengan mempersekuatkanNya. ( Mustafa Abdul Rahman Mahmud, t.t ). Jelasnya disini matlamat sama sekali tidak menghalalkan cara, walaupun tujuan berbuat demikian adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah, jalan yang digunakan seolah-olah tidak yakin akan kekuasaan Allah dalam menunaikan hajat-hajat mereka.

### (c) Memerangi Perkara-Perkara Syirik.

Syirik merupakan amalan yang bertentangan dengan Islam. Setiap dosa yang dilakukan akan diampunkan oleh Allah apabila bertaubat melainkan syirik, jelas ia sebagai satu larangan keras di dalam Islam. Ia berkait rapat dengan keimanan kepada Allah dalam aspek *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah*. Termasuk dalam syirik adalah sesiapa yang mengakui kuasa lain melebihi kuasa Allah. Sebagai contoh memohon hajat di kubur para wali yang kononnya dapat membantu menunaikan hajat-hajat mereka.

Mustafa Abdul Rahman menyelar masyarakat yang menjadikan kubur sebagai perantara untuk memohon hajat kepada Allah. Beliau dengan tegas menyatakan bahawa ianya termasuk dalam amalan syirik, amalan tersebut seolah-olah tidak yakin akan kekuasaan Allah untuk memakbulkan hajat hamba-hambaNya. Ayat dibawah menjelaskan kenyataan tersebut dalam Surah al-Baqarah ayat 173.

Maksudnya : Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang Yang disembelih tidak kerana Allah

Mustafa Abdul Rahman mentafsir ayat di atas menyatakan bahawa dilarang sama sekali menyembelih binatang dengan selain daripada nama Allah. Beliau menyelar perbuatan masyarakat ketika itu yang menyembelih binatang dengan nama selain daripada Allah seperti wali-wali dan orang-orang alim. Mereka percaya akan keramat wali-wali dan menjadikan wali-wali tersebut sebagai wasilah dalam memohon hajat kepada Allah. ( Mustafa Abdul Rahman, t. t ) Ini merupakan satu amalan syirik yang jelas dalam

masyarakat ketika itu. Berikut merupakan pentafsiran beliau dalam Surah al-Baqarah ayat 141.

Maksudnya : mereka itu adalah satu umat yang telah lalu sejarahnya; bagi mereka (balasan) apa Yang telah mereka usahakan, dan bagi kamu pula (balasan) apa Yang kamu usahakan; dan kamu tidak akan ditanya (atau dipertanggungjawabkan) tentang apa Yang mereka telah lakukan.

Beliau menjelaskan ayat di atas cuba memberi kefahaman yang betul berkenaan maksud usaha dalam beribadah. Usaha-usaha yang salah dalam masyarakat ketika itu ialah dalam soal memohon hajat. Manusia terlalu bodoh sehingga menganggap terdapat keramat-keramat wali dan syafaat wali-wali. Mereka berusaha untuk dekat dengan Allah tetapi menggunakan jalan yang salah. Hakikatnya usaha tersebut menjauhkan mereka dengan rahmatNya.

#### **(d) Kepentingan Ilmu dan Pendidikan.**

Mustafa Abdul Rahman dalam tafsir ini membawa pemikiran Islah berkaitan demokrasi pendidikan. Ianya sebagai jalan untuk menyedarkan masyarakat ketika itu akan kepentingan ilmu. Beliau turut menyatakan bahawa pendidikan harus diberi kepada wanita dan lelaki, bukan hanya lelaki yang berhak menuntut ilmu. Wanita bukan hanya dididik dengan ilmu-ilmu rumahtangga tetapi juga ilmu-ilmu yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka dan menjauhi mereka daripada perkara-perkara yang tidak baik. Berikut merupakan kenyataan beliau berkenaan kepentingan ilmu dalam Surah al-Baqarah ayat 33:

Maksudnya : Allah berfirman: "Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka". maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahwasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa Yang kamu nyatakan dan apa Yang kamu sembunyikan?".

Mustafa Abdul Rahman menyatakan ilmu itu teramat mulia sehingga lebih mulia daripada ibadah. Manusia menjadi khalifah kerana adanya ilmu, malaikat adalah golongan yang banyak beribadah berbanding memiliki ilmu. Kerana itu Adam dilantik menjadi khalifah di muka bumi. Beliau dengan tegas menyatakan syarat untuk menjadi pemimpin adalah dengan adanya ilmu. Ia merupakan syarat mutlak yang wajib ada pada seorang yang bergelar pemimpin (Mustafa Abdul Rahman, t.t). Kenyataan tersebut jelas bahawa beliau amat menitik beratkan ilmu dalam kehidupan seharian. Perbandingan ilmu dengan ibadah adalah perbandingan yang amat baik. Ini kerana amal ibadah tidak akan sempurna melainkan dengan adanya ilmu.

Beliau mengaitkan ayat dengan isu-isu semasa. Perbandingan antara ibadah dan ilmu akan membuka minda masyarakat terhadap kepentingan ilmu, hanya dengan memiliki ilmu ibadah akan sempurna akibat daripada mengetahui cara-cara melakukan ibadah tersebut.

Sulayman b. Salih al-Qar'awi dalam karyanya *Al-Tafsir al-'ilmiy al-Mu'asarah Wa Atharuh Fi Kasyf Al-'Ijaz Al-'ilmiy* membawa pandangan Syaykh 'Abd Al-Majid Al-Zindani iaitu Tafsir Ilmi ialah pentafsiran yang menjelaskan makna-makna ayat al-Qur'an yang mengaitkan ayat-ayat tersebut dengan bukti-bukti saintifik kejadian alam. (Sulayman b. Salih al-Qar'awi, 2004). Ia menjadikan al-Qur'an sebuah kitab yang istimewa apabila telah menjelaskan hakikat kejadian-kejadian tersebut seribu empat ratus tahun yang lalu. Sedangkan saintis hanya beberapa abad kebelakangan ini menemui ilmu-ilmu tersebut. Ia juga sebagai bukti bahawa al-Qur'an diturunkan oleh satu kuasa yang Maha Agung yang menciptakan alam semesta, sama sekali tidak sama dengan kudrat manusia.

Mustafa Abdul Rahman turut menjelaskan kemudaratannya arak dan sebab-sebab pengharaman arak, ayat Surah al-Baqarah ayat 219 berikut membuktikan beliau memasukkan fakta-fakta sains berkenaan hal tersebut :

Maksudnya : mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? katakanlah: "Dermakanlah

- apa-apa) Yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir.

Ayat di atas adalah larangan terhadap arak dan judi. Mustafa Abdul Rahman menjelaskan berkenaan arak menyatakan bahawa arak itu memudaratkan manusia. Kemudaratannya ialah ia merosakkan tali perut, meluputkan keinginan makan, membesarakan perut, memucatkan warna kulit, menyebabkan sakit jantung, buah pinggang dan lumpuh anggota badan. Seorang doktor berbangsa Jerman menyatakan bahawa seorang yang berusia empat puluh tahun dan mengamalkan minum arak anggota badannya adalah seperti seorang yang berusia enam puluh tahun. Ini bermakna arak membuatkan anggota dalaman manusia lemah dan rosak. Ia juga melemahkan tenaga fikiran yang waras, dan melumpuh urat saraf. (Mustafa Abdul Rahman,t.t) Kenyataan Mustafa Abdul Rahman dibuktikan oleh kajian semasa iaitu kesan-kesan alkoholisme terhadap tubuh badan ialah sakit buah pinggang, jantung, kurus, tidak bermaya, lemah dan fobia.

## **PENUTUP.**

Mustafa Abdul Rahman antara tokoh mufassir yang hebat dan berjaya membawa pengaruh kepada masyarakat supaya mengamalkan ajaran Islam. Sumbangan beliau dilihat amat besar sama ada dalam penulisan buku-buku islami mahupun pengajaran dan pembelajaran di masjid-masjid dan surau-surau terutama di Perak dan Pulau Pinang. Kesungguhan beliau boleh dijadikan panduan kepada seluruh da'i-da'i dalam menyebarkan dakwah supaya Islam dapat dihayati dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat.

## RUJUKAN

Adnan Mohamed Yusoff ( 2005 ), “ Pengaruh Madrasah Al-Imam Muhammad Abduh Dalam Penulisan Tafsir di Malaysia” ( International Seminar On Al-Qur'an, Kuala Lumpur ).

Al-Quran in Word Version 1.3

Che Hasmawati Che Awang ( 2004 ) “*Ustaz Mustafa Abdul Rahman : Sejarah Hidup Dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith di Malaysia*” ( Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur ).

Muhammad b. Ismāīl Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī al-Ja’fī ( 1987 ), *Al-Jamī’ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, “*Kitāb al-‘Ilm*”, no hadith 107, j. 1. Beirut : Dār Ibn Kathīr.

Mustafa Abdul Rahman Mahmud ( t.t ), *Tafsir al-Quran al-Hakim*. Percetakan Syeikh Sa’id al-Yamani. Perak.

Nabir b. Haji Abdullah ( 1976 ), *Ma’ahad IL Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sulaymān b. Ṣalīḥ al-Qar’awī ( 2004 ), *Al-Tafsīr al-‘ilmīy al-Mu’asharah Wa Atharuh Fī Kasyf Al-‘Ijāz Al-‘ilmīy*. Riyārd : Dār al-Haḍārah.

Tajuddin Saman ( 1993 ), *Tokoh Ulama’ Nusantara*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.

Wan Sabri Wan Yusof, Syayuthi Abdul Manas ( 2003 ), *Monograph On Selected Malay Intellectuals*. ( Sheikh Mustafa Abdul Rahman Mahmud ( 1918-1968 ) : Twentieth Century Malay Qur’anic Interpreter). Kuala Lumpur : Research Centre International Islamic University Malaysia.